

**Title: A Performance that Involves Children's Feedback**

**Media/Date: Berita Harian, 20 May 2014**

**Reporter: Farid Hamzah**

**Translated by: Nur Salshabila**

To instill harmony between communities - regardless of race, religion or different expectations. That is the message a theater group is advocating through their performance at the Ace Festival which will start tomorrow.

What is interesting is that the performance by I Theatre will take into account feedback from about 20 underprivileged children who are beneficiaries of CARE Singapore. The children were invited to watch one of the performance practices and were later asked for their opinion on whether the performance is suitable for those as young as two and a half to eight years old.

After the session on May 17, I Theatre will make changes to their performance based on the feedback gathered. The result is a performance titled 'Spot The Difference' lasting for 45 minutes involving three actors.

Writer, Mr Brian Seward, said the play was focused on visuals with little dialogue to entice children. "What is important is that the audience understands that every one of us is different, and we all have to accept that," says the Permanent Resident (PR) who is also the Artistic Director of I Theatre. He said the concept of staging based on feedback from viewers has long existed in the United Kingdom (UK) but it is quite a new phenomenon here.

According to him, there is an arts group in the UK who has made such staging in schools to gather feedback. If the feedback received were negative, the group will not continue with the performance.

**Tan Chin Tuan Foundation, which helps involve the children in the pre-public performance, said art, music and plays encourages discussions and reflections.**

**Chief Executive Officer (CEO) of the foundation, Ms Yap Su- Yin said: "By encouraging the children to express their views in helpful and constructive ways, we want them to know that their 'voices' and their views are also taken into account."**

However, would it not be difficult for an actor to make a change after months of practice? An actor who is involved in the play, Mr Joshua Lim, 28, said: "That is the challenge that must be undertaken. In fact, as a theater actor, we know that anything can happen before or during a performance. So we should always be prepared and adapt to whatever unexpected changes there might be."

The performance tells a story of three characters that have different tastes and preferences. Soo (a character played by Ms Fervyn Tan, 23 years old) loves all circles or ovals and curves. Vik (a character played by Mr Lim) prefers everything that is straight like triangles or squares with no curves or rounded edges. Another character that is played by another theater actor, Mr Mohamed Farez Najid, 26 years old, as Ziggity dislike both Soo and Vik's preferences.

So how do they come together and overcome all these differences? How about you visit the Drama Centre Black Box Theatre, located at the National Library building in Victoria Street from tomorrow till May 31 to know the full story of this performance?

The performance starts at 9.15 am, 11.15 am and 2 pm (Monday to Friday), while on Saturday it runs at 10.30 am, 12.30 pm and 2.30 pm. The entrance fee is \$30 (not inclusive of booking fee).

# Pementasan diubah ikut maklum balas kanak-kanak

► FARID HAMZAH  
farid@sph.com.sg

MEMUPUK sifat keharmonian antara masyarakat – tidak kira dari sudut bangsa, agama atau kelainan jangkauan.

Itulah mesej yang ingin diketengahkan sebuah kumpulan teater menerusi pementasan mereka di Festival Ace yang bakal berlangsung mulai esok.

Yang menariknya, pementasan oleh I Theatre itu mengambil kira maklum balas sekitar 20 kanak-kanak kurang berkemampuan yang merupakan penerima bantuan pertubuhan CARE Singapore.

Kanak-kanak itu telah dipelawa menyaksikan salah satu latihan pementasan itu dan kemudian diminta pandangan mereka, sama ada pementasan itu sesuai ditonton untuk mereka yang berusia semuda dua setengah tahun sehingga lapan tahun.

Selepas sesi pada 17 Mei itu, I Theatre membuat perubahan pada persembahan mereka berdasarkan maklum balas yang dikumpulkan itu.

Hasilnya, lahirlah sebuah pementasan berjudul *Spot The Difference* selama 45 minit melibatkan tiga pelakon.

Penulis pementasan tersebut, Encik Brian Seward, berkata pementasan itu memberi tumpuan pada visual dan kurang dialog demi menarik minat kanak-kanak.

“Yang penting, penonton dapat memahami setiap seorang daripada kita berbeza, dan kita semua perlu menerima hakikat tersebut,” ujar Penduduk Tetap (PR) Singapura itu lagi, yang juga Pengarah Artistik I Theatre.

Beliau berkata konsep pementasan berdasarkan maklum balas penonton yang sudah lama bertapak di United Kingdom (UK) namun agak baru di sini.

Menurutnya, terdapat sebuah perkumpulan seni di UK yang pernah membuat pementasan sedemikian di sekolah-sekolah di sana dan mengambil kira semua maklum balas.

Sekiranya maklum balas yang diterima negatif, kumpulan itu tidak akan meneruskan pementasan tersebut.



**BAKAL SERIKAN PENTAS:** Selain para pelakornya, (dari kanan) Cik Fervyn Tan, Encik Mohamed Faris Najid dan Encik Joshua Lim, dua kru belakang tabir yang sama penting untuk pementasan ini sempena Festival Ace ialah Encik Brian Seward (dua dari kiri) yang merupakan Pengarah Artistik I Theatre dan Pengarah *Spot The Difference*, Cik Isabella Chiam (kiri sekali). – Foto M.O. SALLEH

Yayasan Tan Chin Tuan yang membantu melibatkan kanak-kanak itu dalam pementasan tersebut berkata seni, muzik dan pementasan menggalak perbincangan dan refleksi.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yayasan tersebut, Cik Yap Su-Yin berkata:

“Dengan menggalak kanak-kanak itu melahirkan pandangan mereka dalam cara yang lebih membina, kami ingin mereka tahu bahawa ‘suara’ dan pandangan mereka juga diam-bil kira.”

Namun, bukankah sukar bagi pelakon membuat perubahan selepas berbulan lamanya mereka berlatih?

Seorang pelakon yang terlibat dalam pementasan itu, Encik Joshua Lim, 28 tahun, menjawab:

“Itulah cabaran yang harus dipikul. Malah, sebagai pelakon teater, sebenarnya apa sahaja boleh berlaku sebelum atau sewaktu pementasan berlangsung.

“Jadi kita perlu sentiasa bersedia dan menyesuaikan diri dengan apa jua perubahan yang tidak dijangka itu.”

Pementasan itu menceritakan tentang tiga watak yang mempunyai watak dan cita rasa yang berbeza.

Soo (watak yang dimainkan Cik Fervyn Tan, 23 tahun) gemarkan segala yang bulat atau lonjong dan bengkok.

Vik (watak yang didukung Encik Lim) pula lebih gemarkan segala yang lurus seperti bentuk tiga atau empat segi tanpa sebarang bengkok atau bulatan.

Watak yang dimainkan seorang lagi pelakon teater, Encik Mohamed Farez Najid, 26 tahun, sebagai Ziggity pula langsung tidak gemarkan kededua ciri Soo dan Vik itu.

Maka bagaimana pula mereka dapat bersatu dan menyesuaikan diri dengan segala perbezaan itu?

Apa kata anda ke Pusat Drama Teater Black Box yang terletak di bangunan Perpustakaan Negara di Victoria Street mulai esok sehingga 31 Mei untuk mengetahui jalan cerita sepenuhnya pementasan ini?

Pementasannya berlangsung pada 9.15 pagi, 11.15 pagi dan 2 petang (Isnin hingga Jumaat) sementara pada Sabtu pula waktu pementasannya ialah 10.30 pagi, 12.30 tengah hari dan 2.30 petang.

Bayaran masuk yang dikenakan ialah sebanyak \$30 (tidak termasuk yuran tempahan).